

40
SOALAN NO: 320

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' IR NAWAWI BIN AHMAD
KAWASAN : LANGKAWI**

SOALAN:

YB DATO' IR NAWAWI BIN AHMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membina jalan pintas dari Kampung Chandek Kura, Mukim Kedawang ke Pantai Chenang, disebabkan oleh jalan sedia ada merupakan jalan dwi lorong yang sentiasa sibuk dan digunakan oleh pelancong untuk ke Pantai Chenang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada peringkat ini, Kerajaan tiada perancangan untuk membina jalan baru dan menaiktaraf rangkaian Jalan Persekutuan di Pulau Langkawi sehingga tahun 2020 berdasarkan Laporan *Highway Network Development* (HNDP) termasuklah cadangan menaiktaraf jalan dari Kampung Chandek Kura ke Pantai Chenang, Langkawi.

Walau bagaimanapun kementerian ini bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan bagi pengurusan trafik yang lebih bersistematik sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

65
SOALAN : 321

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI AHMAD (LANGKAWI)

RUJUKAN : 10688

SOALAN :

PR-1361-T02229

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes penderaan banduan di dalam penjara, dan ada yang menyebabkan kematian. Apakah ada audit dari pihak Kerajaan bagi menangani kes-kes penderaan tersebut. Sekiranya menyebabkan kematian, menyebabkan nama negara kita tercemar di mata dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan dan layanan terhadap banduan. Dalam hal ini, Jabatan Penjara sememangnya mempunyai beberapa prosedur bagi mengelakkan kejadian seperti penderaan di dalam penjara. Ini termasuklah membuat pemisahan penempatan banduan yang agresif dalam sel yang berasingan daripada banduan lain. Selain itu, rondaan turut dilaksanakan sepanjang masa di blok penempatan dan seluruh kawasan penjara bagi memastikan keselamatan banduan terjaga.

Jabatan Penjara Malaysia juga adalah tertakluk kepada pemeriksaan audit bagi memastikan pengurusannya adalah selaras dengan undang-undang. Bagi tujuan ini, Lembaga Hakim Pelawat yang dilantik untuk institusi penjara juga memainkan peranan yang penting dalam memberikan pengesyoran untuk meningkatkan lagi pengurusan penjara dan menambah baik isu-isu berkaitan dengan layanan dan pemerlakuan terhadap banduan.

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara juga tiada kes-kes penderaan yang berlaku dalam penjara yang menyebabkan kematian.